






Maklumat tentang ESM

Apa langkah keselamatan asas (ESM) dan mengapa ESM penting?



Maklumat selanjutnya

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, pergi ke laman web VBA, iaitu vba.vic.gov.au/cladding, atau telefon kami melalui talian 1300 815 127

Langkah keselamatan asas

Langkah Keselamatan Asas (ESM) ialah ciri keselamatan yang perlu ada dalam setiap bangunan untuk melindungi penghuninya apabila berlaku kebakaran.

ESM mungkin merangkumi sistem pengesanan kebakaran dan penggera, pintu rintangan api, lampu kecemasan dan pili bomba.

Perbadanan Pemilik (Owners Corporations) bertanggungjawab menyelenggarakan ESM sesuatu bangunan. Jika berlaku kebakaran, ESM yang diselenggarakan dengan baik boleh memberi penghuni masa yang lebih panjang untuk keluar dari bangunan dan mengurangkan kemungkinan kebakaran itu merebak. ESM memerlukan penjagaan dan penyelenggaraan yang berterusan.

Menyelenggarakan ESM

Semua penghuni bangunan memikul kewajipan memastikan semua pintu keluar dan laluan jalan mudah dilalui, boleh digunakan dan tidak dihalang.

Pengurus Perbadanan Pemilik (Owners Corporation Manager) bangunan anda, bagi pihak pemilik, bertanggungjawab memastikan ESM diuji dan diselenggarakan dengan tetap. Tugas menyelenggarakan dan menservis sesuatu bangunan mesti dilakukan oleh pakar yang sangat memahami ESM bangunan itu.

Anda juga harus tahu bahawa:

- Laporan tahunan ESM mesti disediakan untuk disemak apabila diminta selepas notis 24 jam diberikan oleh ketua pegawai bomba ataupun oleh juruukur bangunan perbandaran (municipal building surveyor, atau singkatannya MBS) bagi tempat anda.
- Jika kerja pembinaan dicadangkan untuk mengubah sesebuah bangunan, kerja itu mungkin menjejaskan ESM, maka eloklah dipastikan dengan MBS atau dengan juruukur bangunan swasta untuk menentukan apa yang perlu dilakukan supaya Akta Bangunan (Building Act) 1993 dan Peraturan Bangunan (Building Regulations) 2018 dipatuhi.

Apa yang akan berlaku jika pemilik tidak patuh?

Penting diingati bahawa ketidakpatuhan tidak hanya mendedahkan para penghuni, tetapi juga orang awam yang lalu-lalang dan juga bangunan-bangunan di sekitar, kepada risiko.

Buku catatan perlu diisi dan hukuman dikenakan terhadap sesiapa yang tidak patuh.


Ketidakpatuhan boleh mengakibatkan notis pelanggaran dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran atau Penguasa Bomba bagi tempat anda. Denda antara \$290 hingga melebihi \$17,000 boleh dikenakan terhadap seseorang, dan melebihi \$88,000 jika syarikat didakwa.

Maklumat selanjutnya

Jika anda ingin bertanya tentang cara menyelenggarakan ESM, hubungi jabatan keselamatan kebakaran pasukan bomba tempatan atau MBS bagi tempat anda.

Langkah keselamatan asas

ESM disediakan sebagai barisan pertahanan yang pertama dalam kecemasan, misalnya kebakaran.



ESM merangkumi sistem keselamatan kebakaran yang dipasang untuk melindungi penghuni bangunan



ESM juga merangkumi pintu keluar, lampu kecemasan, tanda keluar dan pili bomba



Penyelenggaraan yang baik akan menjamin bahawa ESM akan dijalankan dengan pasti jika timbul kecemasan



Pengurus perbadanan pemilik, bagi pihak pemilik, mesti memastikan ESM dikemaskinikan dan diuji dengan tetap



Ketidakpatuhan menimbulkan risiko bagi penghuni, orang awam yang lalu-lalang dan bangunan-bangunan di sekitar



Ketidakpatuhan boleh mengakibatkan denda dikenakan

Semua penghuni bangunan memikul kewajipan memastikan semua pintu keluar dan laluan menuju pintu keluar mudah dilalui, boleh digunakan dan tidak dihalang.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Pergi ke: vba.vic.gov.au/cladding

Telefon: 1300 815 127

Menjaga keselamatan berhampiran salutan yang mudah terbakar

Sama ada anda penghuni, pemilik ataupun pengurus bangunan, setiap orang berperanan menjaga keselamatan terhadap kebakaran.

Salutan yang mudah terbakar pada bahagian luar bangunan tidak semestinya bermaksud bahawa bangunan anda itu tidak selamat dihuni. Walau bagaimanapun, setelah kebakaran bermula, salutan yang mudah terbakar boleh merebakkannya lagi. Hal ini tidak hanya membahayakan penghuni bangunan tetapi juga orang yang berada di tempat kejadian dan bangunan-bangunan di sekitar.

Terdapat beberapa langkah ringkas yang harus anda ikuti untuk mengurangkan risiko kebakaran sambil menjaga keselamatan diri anda, jiran tetangga anda dan keluarga anda.

Rancang dahulu



Periksa penggera asap
Pastikan penggera tidak terselindung dan tidak terputus sambungannya



Periksa pintu rintangan api
Pastikan pintu rintangan api sentiasa tidak dihalang, ditutup dan tidak dikunci




Kemaskan barang-barang yang berselerak
Pastikan tiada barang-barang dan sampah sarap yang berselerak di kawasan anjung, laluan dan jalan keluar



Ketahui rancangan menyelamatkan diri dalam kebakaran
Ketahui rancangan pengosongan bangunan bagi tempat anda

Pastikan anjung anda berkeadaan selamat untuk mengurangkan risiko merebakkan kebakaran



Asingkan BBQ anda
Pastikan kelengkapan BBQ anda berada sekurang-kurangnya 50 cm dari dinding, pakaian dan bahan-bahan lain



Padamkan rokok anda sepenuhnya
Gunakan bekas abu rokok yang berat dan dalam (yang diperbuat daripada kaca, tembikar atau logam)



Asingkan unit-unit penyaman udara
Pastikan pakaian dan bahan-bahan lain berada sekurang-kurangnya 1 meter darinya



Asingkan botol-botol gas
Pastikan botol-botol gas disimpan di luar bangunan dalam kedudukan menegak dan jauh dari punca haba

Kebanyakan langkah ini jelas difahami, mudah dilakukan, munasabah dan besar kesannya menjaga keselamatan semua orang.

Jika kebakaran berlaku di unit pangsapuri anda, anda perlu memberitahu semua penghuni dan mengambil langkah keselamatan yang berikut:

- Kosongkan bangunan dengan selamat dan dail kosong, kosong, kosong. Beritahu telefonis bahawa kecemasan sedang berlaku, lokasi anda dan bahawa anda memerlukan bantuan.
- Pergi berkumpul di tempat perhimpunan dan tunggu sehingga pasukan bomba tiba.
- Jika anda rasa yakin dan mampu menggunakan alat pemadam api dalam kebakaran, ketahui lokasinya dan cara menggunakannya.